

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : SETEMPAT

'Doktor gigi YouTube' didenda RM40,000

Kuantan: Seorang lelaki didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam selepas mengaku bersalah melakukan rawatan pemasangan pendakap gigi tanpa kebenaran tahun lalu.

Tertuduh Mohamad Irwan Mohd Sudi, 25, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Siti Aminah Ghazali selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa memberikan rawatan pemasangan pendakap gigi kepada seorang pelanggan tanpa sebarang pendaftaran pada jam 11.10 pagi 19 November 2016 lalu di premis Nombor 4, Lorong IS 83, Perkampungan Indera Sempurna, Taman Indera Sempurna, di sini.

Mohamad Irwan melakuan kesalahan mengikut Subseksyen 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (586) dan boleh dihukum di bawah Sub perenggan 5(1)(a)(i) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau di-

penjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Nurul Khairiyah Samsudin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam rayuannya Mohamad Irwan meminta mahkamah meringankan hukumannya.

"Saya ada membaca satu artikel mengenai bahaya rawatan itu dan bercadang menghentikannya pada Disember sebelum ditahan pada November," katanya.

Nurul Khairiyah Samsudin berkata, tertuduh membuka premis pergigian itu sejak dua tahun lalu.

Katanya, Mohd Irwan mempelajari segala kaedah pemasangan pendakap gigi daripada laman YouTube sebelum menawarkan perkhidmatan itu kepada orang ramai.

"Apabila pihak KKM menerima maklumat, kami segera melakukan serbuan dan pemeriksaan dan mendapati dia (tertuduh) tidak mempunyai sebarang sijil pengesahan untuk melakukan rawatan itu," katanya.



MOHAMAD Irwan melarikan diri daripada jurugambar ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Tertuduh mengaku belajar pasang pendakap gigi di laman YouTube

Doktor gigi palsu didenda RM40,000

KUANTAN - Perbuatan seorang doktor gigi palsu menawarkan khidmat rawatan memasang pendakap gigi yang dipelajari menerusi YouTube membawa padah apabila didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Siti Aminah Ghazali menjatuhkan hukuman berkenaan selepas tertuduh, Mohd. Irwan Mohd. Sudi, 25, membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, Mohd. Irwan didakwa menyediakan sebuah klinik perigian swasta yang mana premis tersebut telah digunakan bagi menjalankan amalan perigian dengan cara memberikan rawatan pemasangan pendakap gigi kepada Ahmad Syahir Ahmad Zu Safiuddin tanpa pendaftaran yang sah.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah premis di Lorong IS 83, Perkampungan Indera Sempurna, Taman Indera Sempurna di sini pada pukul 11.10 pagi, 19 November tahun lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut

Seksyen 27 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 kerana melanggar peruntukan Subseksyen 4(1) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM300,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Kesihatan, Nur Khairiyah Samsudin manakala tertuduh tidak diwakili oleh peguam.

Terdahulu, Mohd. Irwan merayu kepada mahkamah agar dikenakan hukuman yang ringan kerana perlu menanggung kedua-dua orang tuanya.

Tertuduh turut memberitahu bahawa dia tidak mempunyai sebarang kelayakan dalam bidang perubatan perigian dan hanya mempelajari cara memakaikan pendakap gigi kepada pelanggannya menerusi YouTube selain merancang untuk berhenti daripada menjalankan kegiatan itu pada Disember tahun lalu, namun ditahan sebelum sempat berbuat demikian.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh didenda RM40,000 yang dibayarinya.



KERATAN *Kosmo!* 7 September 2016.

Selepas selesai prosiding, tertuduh yang memakai jaket berwarna hitam menunggu lebih sejam di kamar mahkamah sebelum berlari keluar untuk mengelak wajahnya dirakam oleh jurugambar yang menantinya.

Kosmo! pada 7 September lalu melaporkan, seorang gadis lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Nurul Nadzirah Mohd. Saidi, 21, yang turut mempelajari cara-cara memasang pendakap gigi menerusi YouTube didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu selepas mengaku salah menawarkan perkhidmatan itu secara haram.



ANTARA barang kes (dalam kotak) berkaitan kes pendakwaan Mohd. Irwan yang dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan semalam.